NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 46
Bil. 19

**23hb September 1993**

*TAMBAHAN No. 3*
*ENAKMEN*

Enakmen-Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Perhimpunan Undangan Negeri Perak pada 16hb Ogos 1993 dan diperkenankan oleh Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak pada 18hb September 1993 disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactments passed by the State Legislative Assembly Perak on the 16th August 1993 and assented by His Royal Highness the Regent of Perak on the 18th September 1993 are published for general information:


| Enakmen Bil. | Nama | Muka |
|---|---|---|
| 3. | Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak (Bahagian Pertama)(Pindaan) 1993<br>Laws of the Constitution of Perak (First Part) (Amendment) Enactment 1993 | 15 |
| 4. | Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak (Bahagian Kedua)(Pindaan No. 1) 1993<br>Laws of the Constitution of Perak (Second Part) (Amendment No. 1) Enactment 1993 | 23 |

BETA PERKENANKAN,

(RAJA NAZRIN SHAH),
*Pemangku Raja Perak*

(Mohor Kerajaan)

18hb September 1993

Suatu Enakmen untuk meminda Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak.

[ 24 SEPT 1993 ]

ADALAH DENGAN INI DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Kuasa Undang-Undang Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut:

**1.** Enakmen ini boleh dinamakan Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak (Bahagian Pertama)(Pindaan) 1993. Tajuk ringkas.

**2.** Fasal III Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak, yang disebut "Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh" dalam Enakmen ini, adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (4) dengan perenggan-perenggan yang berikut: Pindaan Fasal III.

"(4) Sesuatu Rang Undang-Undang bagi membuat pindaan kepada Undang-Undang Tubuh ini (selain daripada pindaan yang terkecuali daripada peruntukan-peruntukan perenggan ini) tidak boleh diluluskan oleh Dewan Perhimpunan Undangan melainkan jika ia telah disokong pada Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahlinya.

(4A) Pindaan-pindaan yang berikut adalah terkecuali daripada peruntukan-peruntukan perenggan (4), iaitu—

(a) apa-apa pindaan kepada takrif wilayah Negeri yang dibuat berbangkit daripada kelulusan undang-undang yang mengubah sempadan Negeri di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan yang telah dipersetujui oleh Dewan Perhimpunan Undangan dan Majlis Raja-Raja di bawah Perkara yang tersebut itu; dan

(b) apa-apa pindaan yang akan menyelaraskan Undang-Undang Tubuh ini dengan mana-mana peruntukan Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan.".

Pindaan Fasal XVIII.

**3.** Fasal XVIII Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh adalah dipinda dengan memasukkan, selepas perenggan (1), perenggan baru (1A) yang berikut:

"(1A) Jika pada menjalankan kewajipan-kewajipannya di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri ini atau sebarang Undang-Undang atau sebagai seorang ahli Majlis Mesyuarat Raja-Raja, Duli Yang Maha Mulia dikehendaki berbuat mengikut sebagaimana nasihat atau atas nasihat seseorang atau pertubuhan orang-orang, Duli Yang Maha Mulia hendaklah menerima dan berbuat mengikut sebagaimana nasihat itu.".

Pindaan Fasal XXVIIA.

**4.** Fasal XXVIIA Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan, selepas perkataan "Mulia" dalam perenggan (1), perkataan-perkataan", tertakluk kepada perenggan (3),"; dan

(*b*) dengan memasukkan, selepas perenggan (2), perenggan baru (3) yang berikut:

"(3) Kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh Duli Yang Maha Mulia di bawah Fasal ini hendaklah dijalankan—

(*a*) berkenaan dengan diri Baginda atau isteri Baginda, oleh Majlis Raja-Raja; dan

(*b*) berkenaan dengan anak lelaki atau anak perempuan Baginda, oleh Raja sesuatu Negeri yang dinamakan oleh Majlis Raja-Raja dan Raja itu hendaklah berbuat mengikut sebagaimana nasihat Lembaga Pengampunan yang ditubuhkan di bawah Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan.".

**5.** Fasal XXXVIC Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (1) dengan yang berikut: Pindaan Fasal XXXVIC.

"(1) Hendaklah diwujudkan jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri dan perlantikan bagi jawatan-jawatan itu hendaklah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan daripada kalangan anggota mana-mana perkhidmatan awam yang relevan.".

Diluluskan pada 16hb Ogos 1993.
[PU. Pk. 26/93; PSUK. Pk. (Maj.); 50334 Jld. 5.]

HAJI SHARAIDIN BIN TAKIN,
*Setiausaha,*
*Dewan Perhimpunan Undangan Negeri,*
*Perak*

I ASSENT,

(RAJA NAZRIN SHAH),
*Regent of Perak*

(State Seal)

18th September 1993

An Enactment to amend the First Part of the Laws of the Constitution of Perak.

[ 24 SEPT 1993 ]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Perak Darul Ridzuan as follows:

**1.** This Enactment may be cited as the Laws of the Constitution of Perak (First Part)(Amendment) Enactment 1993. Short title.

**2.** Article III of the First Part of the Laws of the Constitution of Perak, which in this Enactment is referred to as "the First Part of the Constitution", is amended by substituting for paragraph (4) the following paragraphs: Amendment of Article III.

"(4) A Bill for making an amendment to this Constitution (other than an amendment excepted from the provisions of this paragraph) shall not be passed by the Legislative Assembly unless it has been supported on Second and Third Readings by the votes of not less than two-thirds of the total number of members thereof.

(4A) The following amendments are excepted from the provisions of paragraph (4), that is to say—

(*a*) any amendment to the definition of the territory of the State which is made in consequence of the passing of a law altering the boundaries of the State under Article 2 of the Federal Constitution to which the

State Legislative Assembly and the Conference of Rulers have consented under the said Article; and

(b) any amendment the effect of which is to bring this Constitution into accord with any of the provisions of the Eighth Schedule to the Federal Constitution.".

Amendment of Article XVIII.

**3.** Article XVIII of the First Part of the Constitution is amended by inserting, after paragraph (1), the following new paragraph (1A):

"(1A) Where in the exercise of His functions under the Constitution of this State or any law or as a member of the Conference of Rulers, His Highness is to act in accordance with the advice or on the advice of any person or body of persons, His Highness shall accept and act in accordance with such advice.".

Amendment of Article XXVIIA.

**4.** Article XXVIIA of the First Part of the Constitution is amended—

*(a)* by inserting, after the word "may" in paragraph (1), the words ", subject to paragraph (3),"; and

*(b)* by inserting, after paragraph (2), the following new paragraph (3):

"(3) The powers exercisable by His Highness under this Article shall be exercised—

*(a)* in respect of Himself or his Consort, by the Conference of Rulers; and

(b) in respect of His son or daughter, by the Ruler of a State nominated by the Conference of Rulers and the Ruler shall act in accordance with the advice of the Pardons Board constituted under Article 42 of the Federal Constitution.".

**5.** Article XXXVIC of the First Part of the Constitution is amended by substituting for paragraph (1) the following: Amendment of Article XXXVIC.

"(1) There shall be constituted the offices of State Secretary, State Legal Adviser and State Financial Officer and appointments thereto shall be made by the appropriate Service Commission from amongst members of any of the relevant public services.".

Passed this 16th day of August 1993.
[PU. Pk. 26/93; PSUK. Pk. (Maj.); 50334 Jld. 5.]

HAJI SHARAIDIN BIN TAKIN,
*Secretary,*
*State Legislative Assembly,*
*Perak*

DICETAK OLEH PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD, CAWANGAN IPOH
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
PADA 23HB SEPTEMBER 1993
*Harga:* RM1.00